

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 8 JANUARI 2002
Tajuk : MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2000

Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Fuzi Hj Abdul Razak, Ketua Setiausaha ,

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniannya, kita semua dapat berkumpul pada petang ini dalam Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang tahun 2000 bagi Kementerian Luar Negeri. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini, untuk merakamkan ucapan terima kasih atas jemputan bagi menyempurnakan majlis anugerah khidmat cemerlang ini. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru dan saya percaya tuan-tuan dan puan-puan akan menempuh cabaran-cabaran di tahun ini dengan penuh keazaman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sebagaimana tahun-tahun yang lepas, Kementerian sentiasa menghargai pegawai dan kakitangannya yang telah memberikan sumbangan dalam perkhidmatan yang cemerlang, produktif dan berkualiti. Justeru, pada petang ini, seramai 46 pegawai dan kakitangan kementerian ini akan mendapat anugerah khidmat cemerlang bagi tahun 2000. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada 18 pegawai dan kakitangan yang menerima kenaikan gaji melintang, dan juga 27 kakitangan yang menerima kenaikan gaji menegak. Saya berharap kecemerlangan yang ditunjukkan akan dikekalkan dan menjadi pemangkin kepada seluruh warga Kementerian Luar Negeri untuk meningkatkan prestasi dan motivasi diri masing-masing. Pekerja yang benar-benar bermotivasi akan menggunakan sebahagian besar 'potential capacity' nya untuk menjalankan sesuatu kerja. Ianya dapat dilakukan dengan menjadikan kerja seharian sebagai satu pengalaman yang menarik dan satu sumber kepuasan diri atau 'self actualisation'.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Perkhidmatan awam merupakan tenaga penggerak kepada proses pembangunan negara. Kunci utama kejayaan Kementerian Luar Negeri adalah berpunca daripada kualiti tenaga kerja kita. Untuk Kementerian ini terus mencapai kejayaan dan kecemerlangan, tenaga kerja kita (pegawai dan kakitangan) bukan sahaja mesti cemerlang tetapi juga mempunyai kelainan atau keunikan di mana kita dapat menguasai segala situasi di hadapan kita. Kita bukan sahaja perlu bekerja kuat malahan bekerjasama rapat dengan Kementerian dan Kerajaan untuk mencapai 'common good'. Pegawai dan kakitangan Kementerian juga mesti menerima latihan,

mempunyai sikap kerja yang baik dan mampu menyesuaikan diri dalam segala bentuk persekitaran. Kepesatan atau kemelesetan pembangunan negara adalah bergantung kepada amalan budaya kerja kita semua. Kepekaan terhadap kualiti bukan sahaja melibatkan sektor swasta, bahkan sektor awam secara keseluruhannya. Dengan itu, saya yakin bahawa Kementerian telah pun mengamalkan budaya kerja yang mendokong wawasan kecemerlangan melalui penekanan kepada aspek produktiviti dan kualiti.

4. Kualiti yang saya maksudkan di sini adalah degree of excellence, superiority atau attribute atau dapat diterjemahkan sebagai darjah kecemerlangan, mutu atau sifat keunggulan. Pelbagai petunjuk dan parameter digunakan untuk merujuk kepada kualiti. Antara istilah-istilah yang digunakan adalah piawai dan mutu. Namun begitu saya berharap Kementerian ini menjadikan kualiti sebagai satu falsafah dan prinsip dalam kualiti perkhidmatan yang dihasilkan dan bukan hanya sebagai satu teknik atau prosedur kerja.

5. Quality is not so much about numbers, statistics or inspections- it's more attitudes, beliefs, values and lifestyles. Di sini, ternyata akhlak atau etika seseoranglah yang sebenarnya menjana kualiti barangan, produk atau perkhidmatan yang dihasilkan. Dengan kata lain hanya insan yang berkualiti mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti juga. Insan berkualiti adalah insan yang seimbang dan sepadu dari segi sistem nilai, cara hidup, cara bekerja, sikap dan tanggapan yang betul terhadap aktiviti yang dilaksanakan.

6. Pekerja yang berkualiti berkait rapat dengan kecemerlangan. Ini kerana, kecemerlangan merupakan manifestasi daripada insan yang cemerlang. Kecemerlangan tidak datang dengan sendiri tetapi perlu disertakan dengan usaha gigih yang berterusan, amanah, sabar, yakin dan penuh iltizam. Dan ini akan memantapkan sifat integriti pegawai-pegawai perkhidmatan awam ke arah budaya kerja yang cemerlang untuk melahirkan pegawai yang terbilang dalam negara yang gemilang. Di samping sikap dan tahap 'conviction' , faktor-faktor lain juga akan mempengaruhi usaha-usaha pemantapan sifat integriti seperti pemantapan ilmu dan mengambil sesuatu tindakan secara kolektif. Untuk tujuan ini, saya merayu supaya kita mengamalkan sikap tolong-menolong, bantu-membantu di antara satu sama lain. Seperti kata pepatah 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing'. Justeru itu, dalam sesebuah organisasi, hubungan sesama manusia dalam menjalankan semua jenis perkhidmatan untuk kebajikan serta kejayaan bersama adalah diberi nilai yang tinggi. Dalam keadaan ini saya berharap semua pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan semua kakitangan akan dapat menjalankan satu tanggungjawab bersama dengan penuh keyakinan dan kepercayaan di antara satu sama yang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Ramai yang tidak menyangka, di sebalik kegawatan ekonomi, jangkaan perang keganasan yang berterusan dan pelbagai faktor-faktor negatif lain, belanjawan 2002 yang telah dibentangkan (19 Oktober 2001) merupakan pemberian luar biasa kerajaan kepada seluruh rakyat Malaysia. Pemberian bonus setengah bulan gaji dan

kenaikan gaji 10 peratus kepada kakitangan kerajaan adalah petanda awal untuk kita terus bergerak ke hadapan.

8. Pada hari ini negara-negara jiran sudah memulakan langkah berjimat cermat bagi menghadapi kemungkinan ekonomi yang lembab. Pemotongan gaji ahli parlimen dan sektor awam telah pun diumumkan. Keadaan ini berbeza di Malaysia di mana tenaga kerja amat prihatin terhadap usaha-usaha kerajaan malahan menyokong usaha kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara. Tindakan-tindakan yang merugikan seperti mogok dan lain-lain yang sering berlaku di negara-negara lain adalah satu perkara luar biasa di Malaysia. Kerajaan sedar akan situasi ini dan sangat menghargai tenaga kerja negara ini termasuk pegawai dan kakitangan awam. Tenaga kerja di negara ini memahami untuk meletakkan kepentingan nasional mendahului kepentingan yang lain untuk bekerjasama mengatasi masalah nasional. Dalam negara kita tidak ada mogok sehinggakan rakyat sendiri tidak tahu apa yang perlu dilakukan semasa mogok. Sebaliknya di negara Barat dan sesetengah negara membangun, mogok boleh melumpuhkan ekonomi dan membawa kesan yang lebih teruk kepada negara. Sebenarnya kejayaan negara mengharungi krisis kewangan tahun 1997-1998 adalah hasil sokongan padu rakyat kepada kerajaan. Justeru itu, diharapkan pemberian imbuhan dan kemudahan yang diberi akan mendorong semua kakitangan perkhidmatan awam khususnya kakitangan di Kementerian ini untuk mempamerkan semangat kerja yang lebih baik dan prestasi cemerlang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kementerian ini amat memerlukan pegawai-pegawai yang cekap dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam membantu memperkenalkan Malaysia di mata dunia. Hanya, apabila nilai-nilai kecemerlangan diterap, barulah tugas-tugas dan peranan yang diberikan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan objektif. Ianya penting kerana Kementerian Luar Negeri telah diberi mandat dan bertanggungjawab untuk menjaga hubungan Malaysia dengan negara-negara luar. Objektif kita adalah jelas iaitu terus menjalin hubungan dengan agensi-agensi serta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa baik dari segi hubungan politiknya, hal ehwal ekonomi, keselamatan, sosial dan budaya. Setiap sumbangan anda adalah bermakna dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kementerian ini dalam bidang tugas masing-masing. Justeru itu, warga Wisma merupakan nadi kepada kejayaan organisasi yang dipimpinnya.

10. Akhir kata, marilah kita bersama-sama melipatgandakan sumbangan untuk mempertingkatkan lagi prestasi Kementerian. Semoga anugerah khidmat cemerlang ini dapat mewujudkan satu kumpulan kerja yang berbudaya saing. Walaupun pada hari ini kita meraikan seramai 46 orang penerima anugerah Khidmat Cemerlang, ingin saya tegaskan bahawa kejayaan ini adalah merupakan milik semua. Dengan itu anggaplah majlis ini adalah untuk kita semua.

Sekian.

Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum-warahmah-tullahi wabaratu.